

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 _____ ialah hasil kraf tangan Malaysia yang diminati oleh para pelancong.
A Batik
B Dodol
C Gamelan
D Tarian Inang
- 2 Pembinaan tukun tiruan di perairan negara ini telah berjaya menambahkan hasil tangkapan _____.
A petani
B nelayan
C pesawah
D penoreh
- 3 _____ pegawai penguatkuasaan membuat pemeriksaan, barang seludup itu tiada padanya.
A Supaya
B Semoga
C Setelah
D Sewaktu
- 4 Bandaraya Kuala Lumpur menjadi _____ apabila menjelang Tahun Baharu Cina.
A suram
B muram
C senyap
D lengang

Soalan 5 – 7

Ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang betul.

- 5 Akibat tersentak disergah, Mak Munah melatah tidak henti-henti. Tiada kesalahan.
A
B
C
D
- 6 Pengetua sekolah telah mendenda para murid-murid itu kerana sering melanggar peraturan yang telah ditetapkan. Tiada kesalahan.
A
B
C
D

- 7 "Sila lekatkan setem pada tepi sebelah kanan sampul surat awak," kata posmen kepada Nabilah. Tiada kesalahan.
A B C
D

Soalan 8 – 9

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 8 I Fazli *hidup* bahagia bersama-sama keluarganya.
II Walaupun radio itu telah beberapa kali terjatuh tetapi ianya masih *hidup* lagi.
III Saya tidak boleh *hidup* sekiranya gagal dalam peperiksaan.
IV Manusia tidak boleh *hidup* tanpa udara.
A I dan III sahaja C II dan III sahaja
B I dan II sahaja D I dan IV sahaja
- 9 I Kuih *pelita* yang dijual di warung itu sungguh sedap.
II *Pelita* minyak tanah masih digunakan oleh datuk saya di kampung.
III Swee Ling merupakan *pelita* hati Cikgu Rasidah dalam Kelas 1 Mawar.
IV Ilmu ibarat *pelita* yang mencairkan diri untuk menerangi orang lain.
A I dan III sahaja C II dan III sahaja
B I dan II sahaja D I dan IV sahaja

Soalan 10 – 11

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin tidak. Tandakan A, B, C dan jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 10 Kerajaan telah memberikan RM18 juta bagi membina dua buah pusat Kolej Kemahiran untuk golongan belia di kawasan pedalaman itu.
A Kerajaan telah menyediakan
B Kerajaan telah memperuntukkan
C Kerajaan telah membelanjakan
D Kerajaan telah memberikan

TERHAD

- 11 Syarikat konsensi tol di Malaysia akan memberikan potongan sebanyak 10 peratus kepada semua kenderaan pada Hari Kebangsaan pada tahun ini.
- A memberikan hadiah berjumlah
 - B mengurangkan cukai sebanyak
 - C memberikan pengecualian bayaran
 - D memberikan potongan sebanyak

Soalan 12 – 13

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 12 Para murid mesti melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan sebelum menyertai pertandingan perbahasan.
- A Ilmu pengetahuan perlu ditambah oleh para murid untuk menyertai sesuatu pertandingan perbahasan.
 - B Murid yang berilmu pengetahuan hendaklah menyertai pertandingan perbahasan.
 - C Melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dapat membantu para murid sebelum menyertai pertandingan perbahasan.
 - D Sebelum menyertai pertandingan perbahasan, para murid hendaklah berusaha untuk mencari ilmu pengetahuan terlebih dahulu.
- 13 Kerajaan memberikan tempoh selama dua bulan kepada pendatang tanpa izin untuk keluar dari Malaysia tanpa sebarang tindakan undang-undang.
- A Pendatang tanpa izin diberi tempoh selama dua bulan untuk keluar dari Malaysia.
 - B Tempoh dua bulan telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada pendatang tanpa izin untuk keluar secara sukarela dari Malaysia tanpa sebarang tindakan undang-undang.
 - C Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang kepada pendatang tanpa izin sekiranya tidak keluar dari Malaysia dalam tempoh dua bulan lagi.
 - D Pengusiran pendatang tanpa izin dari Malaysia telah dilakukan oleh pihak kerajaan sejak dua bulan yang lalu.

Soalan 14 – 15

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 14
- I Amin tertambat ke sekolah kerana lewat bangun.
 - II Jarak di antara rumahnya dengan sekolah hanya satu kilometer.
 - III Pak Dollah menghalau kambingnya masuk ke dalam kandang pada waktu petang.
 - IV Natrah dan Farah suka berpakaian sedondon pada majlis-majlis rasmi.
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D I dan IV sahaja
- 15
- I Saya sungguh terkiln kerana tidak sempat berjumpa dengan kawan lama.
 - II Projek pembinaan jambatan itu terpaksa dihentikan kerana mendapat bantahan penduduk kampung itu.
 - III Kerajaan telah memansuhkan beberapa jenis cukai dalam belanjawan tahun ini.
 - IV Semenjak kematian suaminya, Mak Tijah mengambil upah menjahit songket bagi menyara hidup keluarganya.
- A I dan II sahaja
 - B I, II dan III sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 16

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 16 Shiva berasa gembira kerana dapat balik bertugas di negara sendiri setelah 15 tahun berkhidmat di Kedutaan Malaysia di China. Keadaan ini diibaratkan
- A isi dengan kuku.
 - B hujan jatuh ke pasir.
 - C tikus jatuh ke beras.
 - D sirih pulang ke gagang.

Soalan 17 – 20 berdasarkan petikan di bawah.

Zaman remaja dikatakan bermula dari akil baligh dan berakhir apabila memasuki alam dewasa. Ia merupakan satu tempoh peralihan dalam pusingan hidup yang melibatkan banyak perubahan berlaku, sama ada dari segi perkembangan fizikal, emosi dan kognitif. Zaman remaja juga merupakan satu proses untuk mencapai atau memperoleh sikap dan kepercayaan bagi pelibatan yang berkesan dalam masyarakat. Golongan remaja ini juga merupakan pengganti tempat para pemimpin, cendekiawan, ilmuwan, pakar ekonomi dan lain-lain pada suatu hari nanti. Oleh itu, bagi melahirkan golongan remaja seperti di atas, terdapat beberapa kualiti diri yang perlu ada pada mereka.

Antaranya ialah *kesempurnaan peribadi*. Peribadi yang sempurna merupakan asas dalam pembentukan remaja berkualiti agar remaja tidak daripada terjerumus ke lembah yang hina. Hal ini demikian kerana remaja yang berperibadi mulia sentiasa berpegang teguh pada ajaran agama dan mengamalkan nilai moral yang tinggi. Selain itu, seseorang remaja perlu mempunyai keutuhan jati diri. Keutuhan jati diri ini mampu menyemarakkan rasa cinta seseorang terhadap negara. Keadaan ini meningkatkan kesanggupan remaja untuk mempertahankan bahasa, adat dan warisan bangsa dengan penuh kebanggaan.

Seterusnya, remaja berkualiti berpegang pada amanah. Amanah yang ada pada diri seseorang remaja dapat meningkatkan kepercayaan orang lain terhadapnya. Dengan adanya kepercayaan daripada pelbagai pihak, seseorang remaja itu mampu mengurus atau mentadbir organisasi dengan cemerlang. Selanjutnya, seseorang remaja yang berkualiti mesti mengamalkan keikhlasan hati dan kejujuran. Kedua-dua nilai ini mendorong remaja agar berusaha untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dengan penuh amanah. Remaja seperti ini tidak akan sekali-kali menggunakan cara yang negatif untuk berjaya. Dengan cara ini, akan lahir insan berkualiti yang akan menggemilangkan negara.

Kesimpulannya, remaja ialah aset utama bagi sesebuah negara. Remaja yang berkualiti dan berintegriti menjadi pemangkin kegemilangan sesebuah negara. Oleh hal yang demikian, agenda pembentukan sahsiah, jati diri dan pengisian rohani serta ilmu pengetahuan dalam kalangan remaja perlu dijadikan keutamaan oleh semua pihak.

(Diubah suai daripada 'Jati Diri Remaja Berlandaskan Pemikiran Positif',
Dewan Siswa, Januari 2017)

7. Apakah maksud frasa *kesempurnaan peribadi*?
- A Asas pembentukan remaja yang berakhlak
 - B Asas pembentukan remaja yang berkualiti
 - C Asas pemangkin kejayaan remaja
 - D Asas pelibatan remaja dalam gejala sosial
8. Mengapakah golongan remaja perlu mempunyai keutuhan jati diri dalam diri mereka?
- A Untuk melahirkan seorang remaja yang berwawasan
 - B Untuk memupuk kesedaran terhadap kemerdekaan negara
 - C Untuk memastikan golongan remaja sanggup berbakti kepada negara jika diperlukan
 - D Untuk menyemarakkan lagi rasa cinta seseorang remaja terhadap negara
19. Apakah nilai yang perlu ada dalam diri seseorang remaja berkualiti?
- A Toleransi
 - B Pejuang
 - C Amanah
 - D Prihatin
20. Pada pendapat anda, bagaimanakah seseorang itu dikatakan berintegriti?
- A Seseorang yang memberikan hadiah kepada pihak lain untuk sesuatu kepentingan.
 - B Seorang pemandu menghulurkan sejumlah wang apabila ditahan oleh pihak berkuasa di jalan raya.
 - C Seorang petugas kaunter membuka bungkusan orang lain setelah terima daripada posmen.
 - D Seorang yang terjumpa dompet lalu menghantar ke balai polis yang berhampiran.

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Perbincangan di antara pemaju projek dengan para penduduk tidak mencapai keputusan yang diharapkan kerana semua pihak enggan bertolak ansur. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 2 Seluruh kampung gempar apabila seorang pemuda meninggal dunia akibat dibelit ular sawa. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 3 Masalah pengangguran dalam kalangan siswazah yang melanda negara belakangan ini akan dibincang dalam mesyuarat kabinet. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 4 Pengumuman tentang keberangkatan baginda sultan ke daerah pendalaman itu telah dibuat dua hari yang lalu. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 5 Meskipun tinggal berjauhan dari ibunya, Hazira tidak pernah lupa untuk mengirim berita. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 6 Encik Farid bercadang untuk membuku segala pengalamannya semasa bertugas dalam pasukan polis dahulu. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 7 Farouk akan berusaha dengan gigihnya supaya cita-citanya untuk menjadi jurutera profesional tercapai. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 8 Sejumlah 31 unit komputer akan dirampas oleh pihak polis dalam serbuan di kafe siber pada malam tadi. Tiada kesalahan.

A
B
C
D

Pilih ayat-ayat yang menggunakan kata yang berhuruf condong dengan betulnya.

- 1 I Mengikut fakta sejarah, *bangkit* kerajaan Aceh bermula pada tahun 1670.
II Tingkah laku murid yang nakal itu telah *bangkit* kemarahan gurunya.
III Kek pisang yang dimasak oleh kakak tidak *bangkit* kerana terlebih tepung gandum.
IV Pada setiap hari, Shafiq akan *bangkit* pada pukul 6:30 pagi.
A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 2 I Azizi *mengupas* buah limau itu dengan hati-hatinya.
II Dia *mengupas* badannya yang kepanasan dengan surat khabar.
III Mak andam *mengupas* wajah pengantin sebelum majlis persandingan.
IV Forum itu *mengupas* permasalahan dalam kalangan remaja masa ini.
A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV
- 3 I Sanjit *menghirup* sup yang masih panas itu perlahan-lahan.
II Afiqah gemar bersiar-siar di taman sambil *menghirup* udara segar.
III Nyamuk Aedes selalunya *menghirup* darah mangsanya pada waktu siang.
IV Amalan *menghirup* rokok dapat memudaratkan kesihatan.
A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 4 I Rombongan pengantin lelaki dijangka *sampai* pada pukul 12:00 tengah hari.
II Saya tidak *sampai* hati melihat keadaan mangsa kebakaran itu.
III Jarak rumah Adnin ke rumah Nadia tidak *sampai* satu kilometer.
IV *Sampai* hari ini, Surina masih tidak dapat melupakan peristiwa pahit itu.
A I dan II sahaja
B I, II, dan IV sahaja
C II, III, dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV
- 5 I Rancangan televisyen itu *padat* dengan pengajaran yang berguna.
II Abang makan dengan seleranya sehingga perutnya *padat*.
III Kawasan bandar *padat* dengan penduduk berbanding dengan kawasan luar bandar.
IV Hubungan antara Ayda dengan Faridah memang *padat* sejak kecil.
A I dan III sahaja
B II dan III sahaja
C III dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV
- 6 I Kehidupan Puan Fatimah sekeluarga *susah* sejak suaminya jatuh sakit.
II Beberapa orang murid mengeluh kerana soalan Matematik agak *susah*.
III Wajah Janet *susah* kerana mendapat keputusan peperiksaan yang kurang cemerlang.
IV Dia *susah* hati kerana memikirkan kos untuk merawat anaknya masih belum mencukupi.
A I dan II sahaja
B I, II, dan IV sahaja
C II, III, dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mempunyai kesalahan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 1 Pelbagai peralatan yang canggih dihasilkan untuk kemudahan pengguna di dalam zaman sains dan teknologi ini.
 A zaman sains dan teknologi ini
 B di zaman sains dan teknologi ini
 C pada zaman sains dan teknologi ini
 D di dalam zaman sains dan teknologi ini
- 2 Perabot itu mahal sungguh kerana perabot tersebut dibuat dari kayu jati.
 A ia dibuat dari
 B ia dibuat daripada
 C perabot tersebut dibuat daripada
 D perabot tersebut dibuat dari
- 3 Sekembalinya pasukan bola sepak Harimau Malaya ke tanah air, mereka telah diberi sambutan yang teramat meriah sekali.
 A betul meriah
 B meriah agak
 C meriah sekali
 D teramat meriah sekali
- 4 Adik-beradik yang sudah 10 tahun terpisah itu saling berpeluk-pelukan semasa dipertemuan dalam satu majlis.
 A berpelukan semasa dipertemu
 B saling berpelukan semasa dipertemu
 C berpeluk-pelukan semasa dipertemuan
 D saling berpeluk-pelukan semasa dipertemuan
- 5 Wahid mengalami kesakitan yang teramat sangat akibat terjatuh dari basikal.
 A sakit teramat-amat
 B kesakitan yang amat
 C sakit yang sangat-sangat
 D kesakitan yang teramat sangat
- 6 Akan saya tonton perlawanan bola sepak itu pada malam ini.
 A Saya akan tonton perlawanan bola sepak itu
 B Akan saya menonton perlawanan bola sepak itu
 C Akan ditonton oleh saya perlawanan bola sepak itu
 D Akan saya tonton perlawanan bola sepak itu
- 7 Datuk Khalid mempertunangkan anaknya dengan anak sahabat karibnya.
 A mempertunang akan anaknya
 B mempertunang anaknya
 C mempertunangi anaknya
 D mempertunangkan anaknya
- 8 Para pelajar perlu membuat persediaan sebelum hadapi peperiksaan.
 A membuat persediaan sebelum hadapi
 B membuat persediaan sebelum menghadapi
 C buat persediaan sebelum hadapi
 D membuat persediaan sebelum hadapi
- 9 Surat khabar lama itu akan saya ikatkan dengan tali.
 A akan saya ikat
 B saya mengikatkan
 C akan diikat oleh saya
 D akan saya ikatkan
- 10 Dia menggunakan sos tiram semasa memasak resipi baharu itu.
 A gunakan sos tiram
 B digunakan sos tiram
 C mengguna sos tiram
 D menggunakan sos tiram